

0730

R B998 AAB
CHOGM-EKONOMI
DARIPADA SYED JAMIL JAAFAR
(I)

NASSAU (BAHAMAS), 18 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SISTEM KEWANGAN DUNIA SEKARANG MENJADI KUCAR KACIR DAN HAMPİR TIADA PENGAWASAN DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJADI MANGSANYA.

BELIAU BERKATA, MATA WANG TURUN NAIK DENGAN SEWENANG-WENANGNYA KERANA KEADAAN DI NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENAKIBATKAN KEHANCURAN EKONOMI NEGARA-NEGARA MISKIN.

DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG BERGANTUNG KEPADA PERDAGANGAN UNTUK PERTUMBUHAN EKONOMINYA MENDERITA KERANA AMALAN-AMALAN YANG TIDAK SIHAT YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA KAYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERCAKAP KEPADA PARA WARTAWAN MALAYSIA DI SINI YANG MEMBUAT LIPUTAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMONWEL DI SINI. PERDANA MENTERI ADALAH SEORANG DARIPADA DUA TOKOH YANG BERUCAP UNTUK MEMULAKAN PERBICANGAN MENGENAI ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA PADA SESI HARI INI.

BELIAU JUGA BERKATA, NEGARA-NEGARA MAJU MENGAWAL HARGA BARANGAN UTAMA MELALUI PERTUKARAN KOMODITI MEREKA, YANG BIASANYA TANPA MENGAMBIL KIRA KOS PENGELUARAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGELUARKANNYA. -- LAGI.

CHOGM-EKONOMI 2 NASSAU
(I)

NILAI TURUN NAIK MATA WANG YANG BEGITU KETARA MENYEBABKAN HURU HARA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG TERPAKSA MEMBAYAR LEBIH UNTUK PERKHIDMATAN HUTANG APABILA MATA WANG MEREKA DITURUNKAN NILAINYA.

APABILA NILAI MATA WANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN INI NAIK, NEGARA-NEGARA INI MENDAPATI PENGELUARAN MEREKA TIDAK DAPAT BERSAING DALAM PASARAN ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SELAIN ITU, NEGARA-NEGARA MAJU JUGA CUBA MENGUASAI WALAUPUN TEKNOLOGI YANG PALING RENDAH.

APABILA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMPROSES KOMODITI MEREKA SEPERTI MALAYSIA DENGAN MINYAK SAWITNYA, NEGARA-NEGARA MAJU MENGENAKAN CUKAI KE ATASNYA.

INI UNTUK MEMAKSA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERUS MENGEKSPORT BAHAN MENTAH, BIDANG YANG DIKUASAI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

PERDANA MENTERI YANG JUGA MENYEBUT TENTANG AMALAN-AMALAN YANG TIDAK ADIL OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN MENJELASKAN, MEREKA JUGA MENGHASILKAN BAHAN GANTIAN YANG MENYEBABKAN BEKALAN YANG BERLEBIHAN SEPERTI MINYAK MAKAN MELALUI SUBSIDI YANG BESAR. -- BERNAMA.

0010MST 19 10 85